

07/04/2000

Bakal pemimpin Umno mesti ada agenda budaya

Dr Mohd Azam Rauzan

'LEGA, gembira dan bersyukur'. Tiga perkataan mudah itu adalah tafsiran perasaan saya sebagai seorang ahli Umno diperingkat akar Umbi apabila keputusan secara tidak rasmi bahawa jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno telah dimenangi tanpa bertanding. Pada ketika ini hampir semua bahagian telah habis bersidang dan telah membuat pencalonan yang sewajarnya.

Agar tidak terlambat untuk saya mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Timbalan Presiden Umno yang Baru. Ucapan setinggi tahniah juga ingin saya sampaikan kepada Datuk Hishamuddin Hussein yang memenangi jawatan Ketua Pemuda Umno Malaysia tanpa bertanding. Semoga kepercayaan yang telah diberikan oleh seluruh warga Pemuda Umno di seluruh pelosok tanah air akan dapat diterjemahkan dengan perjuangan yang suci murni untuk mempertahankan kedaulatan bangsa demi keutuhan sejagat.

Perkembangan mutakhir yang berlaku dalam Umno ketika ini adalah contoh terbaik di mana kewajaran dan kematangan ahli-ahli Umno di peringkat akar umbi mentafsirkan saranan dan nasihat yang telah diberikan oleh ahli-ahli majlis kerja tertinggi tempoh hari adalah untuk kestabilan dan perpaduan dalaman parti. Ini adalah contoh jelas di mana demokrasi dipimpin yang telah diguna pakai untuk mentadbir perjalanan Umno harus dilihat sebagai sesuatu kekuatan inti pati dalaman parti yang menjadikan Umno satu pertubuhan yang unik.

Kita harus ingat bahawa demokrasi bukanlah sebagai ideologi yang ketat, tetapi ia adalah sebagai satu pendekatan yang terbaik untuk perjuangan Umno. Umno berpegang kepada demokrasi, maka amat penting kita sebagai ahli-ahli dan juga pemimpin Umno memahami kekuatan dan kelemahan sistem demokrasi.

Satu kelemahan sistem demokrasi yang perlu saya utarakan dalam tulisan saya dan dirasakan agak relevan untuk diketengahkan dalam suasana pemilihan pucuk pimpinan Umno yang akan datang ialah mengenai penyalahgunaan pemimpin yang menerajui sistem demokrasi itu sendiri dengan mengamalkan politik wang atau dengan perkataan lainnya, rasuah politik.

Sistem demokrasi yang sedia ada boleh disalahgunakan oleh mereka yang berada untuk membeli dan menagih undi ketika pemilihan nanti. Proses memperniagakan undi memang telah berlaku di masa-masa lalu. Sebagai ahli muda Umno, saya merasakan budaya politik wang harus dibendung bukan di bibir saja, tetapi haruslah diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan dan harus dikikis budaya memperniagakan sokongan akar umbi.

Tetapi bagaimana caranya? Bukan mudah untuk membudayakan ahli-ahli Umno supaya menolak pemimpin yang menggunakan wang untuk mendapatkan undi. Janganlah jadikan musim pemilihan Umno ini sebagai satu temasya dan peluang untuk mendapatkan sesuatu daripada orang yang menawarkan diri untuk dipilih. Tepuk dada tanya selera.

Kepada perwakilan yang telah dipilih, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kerana di bahu saudara telah dibebankan dengan amanah ahli-ahli Umno sebanyak 2.7 juta orang di seluruh pelosok tanah air. Gunakanlah kuasa membuat pemilihan pucuk pimpinan dengan menggunakan kewarasan fikiran dan hati nurani anda.

Saya yang merasakan pemilihan di peringkat jawatan naib presiden Umno adalah yang terpenting kali ini kerana kepemimpinan yang akan dipilih nanti yang akan menghalatujukan kiblat Umno di masa akan datang. Pemimpin

yang hendak dipilih perlu ada agenda budaya yang sesuai dengan perjuangan dan cabaran Umno berhadapan dengan cabaran abad ke-21.

Kita tidak boleh lari daripada kenyataan bahawa Umno tidak lama lagi akan mencecah umur 54 tahun. Jika ia adalah manusia, sudah tentu ia cukup dewasa dan matang. Sudah menikmati asam garam hidup, sudah menguasai kepercayaan diri dan sudah pula mantap perwatakannya. Bakti yang disemai sepanjang hayat sudah menyerlah faedahnya. Sementara kesilapan dan kegagalan sudah memperlihatkan padahnya. Cabaran dalaman dan luaran parti adalah berbeza dari mula terbentuknya Umno dahulu dan pada ketika ini. Abad ke-21 adalah abad meritokrasi. Ini bermaksud kejayaan dan ketahanan sesuatu bangsa akan di ukur dengan kualiti, mutu dan nilai bangsa itu sendiri.

Sebab itu persoalan bangsa Melayu bukan hanya persoalan untuk mewarisi kepemimpinan, tetapi adalah persoalan untuk mewarisi perjuangan. Kita tidak mahu pemimpin yang tidak boleh memimpin dan kita tidak mahu pemimpin yang terpaksa pula dipimpin. Tetapi yang kita mahu ialah seorang pemimpin yang bukan saja boleh memimpin, tetapi tahu dan komited untuk mewarisi perjuangan iaitu pemimpin yang tahu mengukuhkan sendi-sendi untuk bangsa agama dan negara.

Justeru, dalam menghadapi musim pemilihan Umno abad ke-21 ini serta cabaran kepemimpinan abad meritokrasi dan pascamoden ini, saya menyarankan kita memilih pemimpin yang mempunyai agenda budaya dan yang meletakkan moral serta keilmuan sebagai paksi utama. Kita mesti menolak pemimpin yang disebut oleh Stephen Kazt iaitu memperkatakan sesuatu yang salah, tetapi diterima ramai kerana ia mampu memperkatakan yang salah itu dengan cara betul. Dengan perkataan mudah, pilihlah pemimpin yang mengamalkan konsep bersih, cekap dan amanah.

Izinkan saya mengakhiri tulisan saya ini dengan memetik sedikit intipati ucapan Dr Mahathir dalam konvensyen Umno pada 11 Mei 1996 yang berbunyi:

"Kita harus menoleh ke belakang untuk meneliti sejarah kita, sejarah pencapaian kita, liku-liku dan jalan-jalan yang telah kita lalui, sama ada yang beranjau atau yang tidak. Semua ini harus kita ingat dan kita renung semula, mudah-mudahan menjadi pengajaran dan panduan kepada kita."